

SEJARAH GASING

Seorang pemain gasing veteran, yang tinggal di kawasan pinggir Sungai Pahang beratabahawa permainan gasing ini bermula dengan penciptaan alat memburu binatang yang berbentuk leper dan bulat. Apabila dilemparkan alat ini berpusing ligat dan melayangsebelum mengenai binatang buruan. Mereka kemudian menggunakan tali untukmendapatkan pukulan yang lebih kuat. Dari sinilah mereka menggunakannya sebagai satucara untuk menguji kecekapan seseorang itu mencampakkannya dan mengenai sasaran.

Alat tersebut kemudian direka bentuk sedemikian rupa hinggalah seperti bentuk sepertigasing yang terdapat pada hari ini.

Kaum etnik yang terlibat dalam permainan tradisional gasing ini ialah masyarakat di PantaiTimur Semenanjung Malaysia terutama Kelantan dan Terangganu. Permainan tradisionalgasing ini biasanya dimainkan oleh kaum lelaki tetapi kadangkaa terdapat juga wanita yangberminat dalam permainan tradisonal ini.kebanyakan yang bermain gasing adalah terdiri dikalangan orang Melayu.Walaubagaimanapun bangsa lain juga turut digalakkan memainkanpermainan tradisional ini

<http://gasingmelayu.blogspot.com/p/sejarah-gasing.html>

Permainan Gasing



Pengenalan

Gasing popular di Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutama di Kelantan. Terdapat pelbagai jenis gasing di Malaysia seperti gasing jantung, gasing piring atau leper, gasing kelamar, gasing telur, gasing berembang, gasing Melayu, gasing Cina, gasing buku benang dan gasing pinang. Kanak-kanak lebih gemar dengan gasing Melayu dan Cina, kerana saiz yang kecil dan mudah dimainkan.

Cara Bermain Permainan Gasing



Gasing dimainkan dengan dua cara, yaitu sebagai gasing pangkah atau gasing uri. Gasing pangkah, dimainkan dengan melemparkannya supaya mengetuk gasing lawan. Gasing uri dipertandingkan untuk menguji ketahanannya berputar.

Gasing pinang pula dimainkan oleh kanak-kanak. Buah pinang muda dikupaskan sabut dan kulitnya, dipangkaskan bahagian atas dan bahagian bawahnya, kemudian dicucukkan lidi buluh melalui pulurnya menjadi paksi serta pemegang gasing itu.

Gasing ini boleh dilagakan atau diurikan. Untuk memusingkan gasing, tali setebal 1.75 cm dan sepanjang 3 hingga 5 meter dililitkan pada jambulnya hingga meliputi seluruh permukaan gasing. Kemudian gasing itu dilemparkan ke atas tanah dan serentak dengan itu tali yang melilit jambuhnya direnggut.

<http://tradisional-bib.blogspot.com/2007/03/permainan-gasing.html>

Permainan Tradisional Gasing Dan Cara Bermainnya

Cara kerja gasing sebenarnya sangat sederhana, yaitu hanya dengan melilitkan tali secara teratur pada tangkai atau leher gasing, kemudian melempar gasing itu dengan keras sembari menarik talinya. Maka kemudian gasing akan jatuh ke tanah dan berputar dengan kencang.

Secara ilmiah sebenarnya gasing dapat berputar dengan tegak karena adanya efek giroskopik. Memang pada awal gasing diputar (dilempar) dia akan berputar secara kasar, namun setelah mendapatkan sudut putar yang pas dia akan mampu berputar dengan konstan. Lalu setelah efek giroskopik mulai menghilang, gasing akan kembali berputar secara kasar tidak beraturan sebelum akhirnya jatuh dan berhenti.

Lomba Adu Gasing Dalam Permainan Tradisional Gasing


Beberapa kelompok masyarakat di Indonesia memainkan *permainan tradisional* gasing pada masa-masa tertentu. Misalnya masyarakat Demak yang memainkan permainan tradisional gasing pada saat Tahun Baru Muharram.

Namun ada pula mereka yang sengaja melombakan permainan tradisional gasing ini. Lomba gasing merupakan adu ketangkasan bermain gasing. Pada kompetisi gasing ini, para peserta bisa perorangan atau berkelompok. Biasanyagasing akan diadu dalam sebuah arena, dengan ketentuan gasing yang keluar dari arena akan dianggap kalah. Di sini gasing biasanya akan saling ditabrakkan dengan sekeras mungkin. Gasing yang menang adalah yang masih tetap berputar dan yang masih berada di dalam arena.

Sejarah gasing yang panjang sebagai salah satu warisan budaya nenek moyang tentunya wajib kita pertahankan. Apalagi sekarang ini kita sudah semakin jarang melihat permainan tradisional gasing. Untuk itu kita juga berharap agar masyarakat Indonesia tetap setia mempertahankan dan ikut melestarikan permainan tradisional gasing di Indonesia.

<http://permainantradisional1.blogspot.com/2013/01/permainan-tradisional-gasing.html>

Sejarah dan Asal Usul Gasing – Permainan Tradisional



Asal Usul Gasing – Permainan Tradisional
Penulis: Amiene Rev (C) 2008

Nota: Artikel ini ditulis oleh Amiene Rev dengan merujuk beberapa sumber utama dari internet sebagai salah satu langkah untuk membantu

mempopularkan permainan tradisional gasing di Malaysia. Sumber-sumber rujukan terdapat di bahagian akhir entri ini untuk memudahkan pembaca membuat rujukan lanjutan.

Asal Usul Perkataan Gasing – Gah Berpusing
Menurut sumber dari Terengganu, gasing berasal daripada permainan memusing buah berembang. Buah berembang berbentuk bulat, licin dan agak leper. Buah yang mudah ditemui di pesisir pantai ini selalu digunakan oleh ahli silat sebagai satu latihan untuk menguatkan tangan. Di sesetengah tempat, buah berembang juga dikenali sebagai buah perepat (*sonneratia alba*).

Buah berembang ini juga dijadikan sebagai permainan. Dalam permainan buah berembang, buah ini akan dipusingkan dengan menggunakan tangan. Buah berembang yang berpusing paling lama dan paling ligat dikira paling gah dan pemusingnya dianggap sebagai pemenang.

Gasing dicipta berdasarkan bentuk buah berembang. Perkataan gasing berasal daripada gabungan dua perkataan iaitu 'gah berpusing'. Gah dalam istilah permainan gasing bermaksud berpusing dengan ligat dan tegak.

Gasing Berasal Daripada Permainan Laga Telur
Sumber dari Kedah ada menyatakan bahawa permainan gasing berasal daripada permainan 'laga telur ayam'. Permainan memusing dan melagakan telur ayam ini menjadi permainan kegemaran kanak-kanak pada masa dahulu. Kemudian barulah timbul idea untuk menghasilkan gasing mengikut rupa bentuk telur. Paksi ditambah agar gasing berputar dengan laju dan tegak. Gasing yang diputar dengan tangan kurang ligat berputar dan pusingannya tidak tahan lama. Oleh itu tali digunakan supaya dapat memusingkan gasing dengan lebih ligat dan lama.

Gasing Berasal Daripada Peralatan Memburu Binatang
Pemain gasing veteran dari Sungai Pahang menyatakan bahawa gasing dahulunya merupakan senjata untuk memburu binatang. Gasing yang berbentuk leper dan bulat akan berputar dengan ligat apabila dilemparkan ke badan binatang buruan. Idea permainan gasing dikatakan datang daripada aktiviti masa lapang para pemburu, yang pada mulanya bertujuan menguji kecekapan melempar gasing ke sasaran.

Struktur Gasing
Gasing memiliki tiga bahagian utama iaitu kepala, badan dan buritan gasing. Terdapat sedikit lekukan di bahagian bawah kepala gasing dan bahagian ini dipanggil leher gasing. Gunanya adalah untuk melilit tali gasing. Paksi diletakkan di bagian buritan gasing untuk menjaga keseimbangan putaran gasing di atas lantai.

Bahan

Buatan

Gasing

Pada masa kini terdapat gasing yang dibuat dengan menggunakan paku dan bahan plastik. Namun, gasing tradisional dibuat dengan menggunakan kayu. Kayu-kayu yang sering digunakan untuk membuat gasing ialah dari jenis kayu merbau (*sympetalandra borneensis*), leban tanduk (*vitex quinta*), jeruk, bakau, kempas, sepan (*gymnopetalum cochinchinensis*), keranji (*cynoptera polyandra*), manggis, jambu batu, ciku (*achras zapota*) dan kayu asam jawa.

Jenis-jenis

dan

bentuk-bentuk

Gasing

Selain Malaysia, permainan gasing turut terdapat di negara-negara lain di Asia, Afrika serta Eropah. Pun begitu, gasing-gasing di setiap negara tidaklah begitu serupa dari segi namanya, bentuknya, cara memainkannya dan orang-orang yang memainkannya. Keadaan ini dikatakan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti penghijrahan, penjajahan dan perdagangan yang berlaku pada masa lalu.

Gasing timah dan gasing leper hanya terdapat di Kelantan. Gasing paku di Kuala Selangor pula mempunyai persamaan dengan gasing yang terdapat di Kedah dan di Patani. Gasing Riau pula dikatakan berasal dari Melaka.

Terdapat beberapa jenis gasing. Permainan gasing ini mempunyai bentuk dan fungsi yang berbeza:

Gasing

Leper

Kelantan

Berbentuk leper dan rendah. Berat sekitar 8 kg. Lilitan 48 cm. Tinggi 6 cm. Gasing ini hanya terdapat di Kelantan dan dimainkan oleh segelintir pemain tradisional kerana harganya sangat mahal. Gasing ini berat dan itulah sebabnya ia mampu berpusing lebih ligat dan lebih lama. Simpaian gasing ini meliputi 60% berat asal gasing ini.

Gasing

Uri

Berbentuk rendah dan agak pipih, beratnya 6 kg, berdiameter 60 cm dan tinggi 8 cm. Gasing jenis ini cukup terkenal di Kelantan. Biasanya dibingkai dengan timah, besi atau plumbum (zat logam berwarna putih kebiru-biruan). Jika bahan dasar gasing ini dibingkai dengan timah, maka gasing tersebut digunakan untuk pemutaran saja, tetapi jika bahan dasar gasing menggunakan bingkai besi, maka gasing tersebut digunakan untuk permainan pangkah-memangkah.

Gasing

Kuno

atau

Gasing

Pangkah

Gasing kuno yang berbentuk sederhana dan berimbang, beratnya 0.6 kg dengan diameter 30 cm dan tinggi 8 cm. Gasing jenis ini boleh ditemui di beberapa negeri di Malaysia, seperti Terengganu, Pahang, Kedah, Selangor, Johor dan Kelantan. Struktur gasing ini merupakan bentuk lama seperti buah perepat yang hanya digunakan untuk permainan pangkah-memangkah dan dibuat daripada kayu merbau,

keranji, meranti dan cengal.

Gasing Baba atau Gasing Wang Seringgit

Berbentuk seperti telur, beratnya 0.6 kg dengan diameter 38 cm dan tinggi 20 cm. Gasing jenis ini boleh ditemui di daerah-daerah sekitar negeri Pahang, Kelantan, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.

Gasing Jantung atau Gasing Lundu

Berbentuk seperti jantung dengan berat sekitar 0.25 kg, berdiameter 20 cm dan tinggi 12 cm. Selain Kelantan, gasing ini juga terdapat di daerah Kedah, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Sarawak. Di Kelantan, gasing ini dibentuk daripada kayu merbau, manakala di negeri-negeri lain, gasing ini dibuat dengan menggunakan kayu melawis (*ramin: gonystylus bancanus*), mengaris dan saga (*ormosia parviflora*).

Gasing Tanjung atau Gasing Labu Lemak

Gasing tanjung yang tinggi dan berimbang, mempunyai berat 0.6 kg dengan diameter 30 cm dan tinggi 10 cm. Gasing ini dimainkan oleh orang-orang dari Muar (Johor) sebagai gasing pemangkah. Bahan dasar gasing ini adalah kayu keranji, kempas, cengal dan merbau. Di negeri Selangor, gasing ini dipanggil gasing labu lemak.

Gambar-gambar dan maklumat mengenai gasing boleh ditemui secara lebih lanjut menerusi laman web Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan seperti berikut: <http://www.ppak.kelantan.edu.my/culture/gasing/fisiologigasing.htm>

Kaedah Permainan Gasing

Sebelum 1971, terdapat banyak bentuk peraturan dalam permainan gasing. Namun masalah ini berjaya diselesaikan selepas wujudnya usaha-usaha untuk menyatukan permainan gasing sekitar tahun 1971-1973.

Dalam permainan gasing, terdapat beberapa kemahiran yang perlu dikuasai oleh pemain gasing iaitu; kemahiran memusing, memangkah, mengangkat, menegak dan membela uri gasing. Langkah-langkah dalam permainan gasing secara tertibnya melibatkan perkara melilit tali, melilit gasing, memusing gasing, memangkah gasing dan. mengangkat gasing.

<http://dukeamienerev.blogspot.com/2008/04/sejarah-dan-asal-usul-gasing-permainan.html>